

# DANA TILO ITIK DAN TABUNG PINJAMAN LEBU KULIT

## PELABURAN PENYOKONG HAYAT

Tilo Itik yang diremeh suatu ketika dahulu sedang menetas dalam kampung. Semangat kesatuan dan wawasan generasi muda telah menghasilkan buah manis membantu ahli penduduk yang di dalam desakan keperluan kewangan. Kini ia mampu dilihat sebagai sumber pinjaman kewangan Lebu Kulit menuju masa depan. Untuk memantapkan aspirasi kearah komuniti berjaya, suatu Tabung Pinjaman dicadangkan untuk dibentuk. Skim ini merupakan inisiatif kewangan sukarela 'non profitable' yang pertama seumpamanya melibatkan seluruh ahli kampung dan mampu untuk berkembang melalui pertambahan dana yang akan diusahakan. Jumlah awal yang akan diperuntukkan untuk modal pusingan pinjaman adalah sebanyak RM209 ribu ringgit, sebahagiannya telahpun dipinjam lebih awal dan bayaran balik kepada pinjaman itu akan dipusing pusing antara ahli penduduk yang lain. Syarat, terma serta prosedur pinjaman adalah seperti yang dinyatakan di dalam kertas ini untuk menjadi panduan pelaksanaan mulai tahun 2016.

# DANA TILO ITIK DAN TABUNG PINJAMAN LEBU KULIT PELABURAN PENYOKONG HAYAT

## Latar Belakang

Perpindahan Lebu' Kulit ke Sungai Asap pada tahun 1997 bersama dengan masyarakat Ulu Balui lain menyaksikan pembayaran pampasan ganti serahan sebahagian tanah komunal di Long Jawe kepada kerajaan dengan nilai RM6 juta (round figure).

Timbul isu hangat waktu itu untuk membahagikan jumlah tersebut habis-habisan seperti beberapa kampung lain.

Dengan air mata sebahagian ahli penduduk yang tidak bersetuju dengan cadangan untuk membahagikannya dengan total, maka suara ramai telah dipinta melalui undian. Dengan undian yang lebih ramai daripada generasi muda terutama pelajar sekolah, keputusannya memihak kepada golongan yang mahu sebagaiannya disimpan.

Oleh itu, RM2 juta telah diputuskan untuk disimpan sementara RM4 juta dibayar kepada penduduk.

## Menabung Untuk Masa Depan

Kebijaksanaan menyimpan adalah seperti jambatan. Besar kecilpun sungai untuk diseberangi, jambatan tabungan dan simpanan adalah sangat penting untuk membolehkan kita sampai ke seberang.

Lebu Kulit sedang belajar menyeberangi sungai di dunia baru di Sungai Asap. Ada ketikanya jambatan itu bergoyang tetapi generasi kini sedang belajar untuk menguatkan asasnya dan mengajak penduduk untuk berjalan seiringan secara berhati hati.

## Pelaburan RM2 juta

RM2 juta disimpan di dalam ASSAR sebagai pelaburan terjamin oleh kerajaan negeri Sarawak di atas nama JK Pampasan Tanah Komunal Uma Kulit pada 13 Mac 2003 dengan agihan dividen sekitar 5% setahun.

Signatories untuk pelaburan ini adalah Gun Imang (Ketua Kampung), Agong Ajan dan Jani Ding

Sehingga 17 Feb 2016, sebanyak RM579,000 telah dikeluarkan sebanyak 5 kali untuk meninggalkan jumlah pelaburan sebanyak RM2,071,901.40 yang disebut sebagai 'Sinen Itik' (Golden Goose) yang mampu 'bertelur'. Lihat Lampiran 6 untuk penyata terkini. Penyata ini telah dibentangkan untuk diterima pada 20 Mac 2016.

## Prosedur Pengeluaran ASSAR

Mengikut peraturan ASSAR, setiap pengeluaran wang haruslah mematuhi prosedur berikut:

1. Mengemukakan salinan minit mesyuarat JKKK yang menyebut tentang keputusan untuk mengeluarkan wang dari ASSAR
2. Mengemukakan surat kelulusan dari Pegawai Daerah terhadap permintaan JKKK untuk mengeluarkan wang dari ASSAR
3. Mengisi dan mengemukakan Borang ASSAR – ASSB/OP/PBU-01
4. Mengisi dan mengemukakan Borang ASSB/OP/SAJ-01
5. Surat rasmi dari JKKK kepada ASSAR memohon pengeluaran
6. Dihantar melalui pos kepada Pejabat Urusan ASSAR di Kuching.

Biasanya kelulusan dari ASSAR diberi dalam waktu dua minggu dan pembayaran akan dimasukkan ke dalam akaun tetap JK Pampasan Tanah Komunal Uma Kulit di Maybank Bintulu yang dibuka khas untuk tujuan pembayaran oleh ASSAR.

## Akaun Tetap – Maybank Bintulu

Wang yang pernah dibayar oleh ASSAR ke dalam akaun tetap JK Pampasan Tanah Komunal Uma Kulit di Maybank Bintulu semenjak 2003 adalah berjumlah RM579,000.00 yang telah dibuat sebanyak 5 kali.

Terpulang kepada ahli panel signatories akaun tetap JK Pampasan Tanah Komunal Uma Kulit di Maybank Bintulu untuk menyelaraskan dengan JKKK Lebu' Kulit tentang sebarang pembayaran dan pengeluaran cek.

## Penggantian Signatories

Pada 13 Mac 2016, mesyuarat JKKK telah dimaklumkan bahawa ketiga orang signatories akaun tetap JK Pampasan Tanah Komunal Uma Kulit telah meletak

jawatan. Ketiga mereka adalah Ujang Lingai, Cikgu Robin Kasing dan Cikgu Inggong Aing.

Mesyuarat memilih pengganti mereka, terdiri dari Saying Usat, Bujang Bit dan Ibau Ajan.

Mesyuarat turut membincangkan isu semasa berkisar tentang perlunya wang pelaburan ASSAR sebanyak RM65 ribu yang kini ada dalam akaun tetap di Bintulu untuk dikeluarkan bagi menyiapkan pembinaan dewan budaya lebu' dan pintu gerbang lebu'.

## Isu Semasa

Mesyuarat pembentangan kepenggunaan dan pengeluaran cek dari dana NCL dari tahun 2010 hingga tahun 2015 telah diadakan pada 20 Mac 2016.

Saudara Ujang Lingai bagi pihak signatories cek semenjak tempoh 2010 membaca laporan yang turut diedarkan untuk menjelaskan tentang pengeluaran cek dari dana ini. Transaksi transaksi yang disebut memberi gambaran bahawa sebahagian dari akaun tersebut telah digunapakai untuk membantu sebahagian ahli penduduk yang memerlukan, termasuklah untuk keperluan perubatan, pendidikan anak anak dan juga untuk keperluan lawatan.

Beberapa siri pertemuan dan mesyuarat lebu' sebelum ini telah membincang dan membahaskan isu kepenggunaan dana dalam akaun tetap ini dan hasilnya telah membangkitkan kesedaran tentang beberapa perkara pokok seperti berikut:

1. Bahawa dana dari dividen ASSAR ini mampu untuk membantu ahli lebu' yang dalam keperluan, tercatat dari sebab pembayaran itu dibuat sebagai 'pendidikan' – menghadiri konvo, matrikulasi, IPT dan sebagainya. Ada juga yang memerlukannya atas sebab perubatan dan keperluan lawatan. Maka jelas bahawa dana ini sesungguhnya adalah juga sumber yang boleh membantu hayat lebu' kulit.
2. Bahawa keputusan untuk menyimpan wang ke dalam pelaburan ASSAR adalah terbukti keputusan bijak yang memberi manfaat jangka panjang kepada ahli lebu' berbanding dengan cadangan untuk membahagikan semua wang pampasan itu secara habisan. Wang RM4 juta yang dibahagikan pada tahun 2004 besar kemungkinan telah habis dibelanjakan oleh kebanyakan kita.
3. Bahawa ada unsur ketidaktelusan dalam hal pembayaran dari akaun tetap kepada individu individu tertentu. Ini kerana persoalan tentang prosedur pembayaran ini tidak pernah dibangkit, diusul atau dibincangkan untuk ketetapan oleh kepimpinan lebu'. Ini menyangkut

'kuasa' / otoriti signatories mengagihkan wang serta persoalan mengenai kuantum wang yang diberi kepada setiap individu sehingga ada yang mencecah RM17 ribu.

4. Bahawa jawapan kepada persoalan berkait dasar dan prosedur pengeluaran dana perlu dirangka demi pengurusan dana lebih terkawal dan lancar.
5. Bahawa ramai orang menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dengan pembayaran kepada individu individu ini sehingga menimbulkan keresahan dan rasa bimbang ahli lebu' yang prihatin khususnya pemimpin pemimpin lebu'.
6. Bahawa perlu sekarang dibentuk dasar dan prosedur berkait dengan kepenggunaan dana dari dividen pelaburan ini agar amalan sedia ada lebih telus, adil dan lengkap dengan dokumentasinya untuk audit lengkap dilakukan terhadap akaunnya.
7. Bahawa lebu' harus mencari jalan penyelesaian untuk menangani keadaan dan kekeliruan yang telah timbul termasuk menimbang untuk menubuhkan dana dari dividen pelaburan ini sebagai sumber pinjaman kerana kecenderungan ahli lebu' untuk bersandar kepadanya dalam meminta bantuan kewangan.
8. Bahawa untuk mara ke hadapan demi kejayaan generasi baya', pelaburan RM2 juta itu terus kukuh sebagai induk pelaburan lebu' yang tidak diganggu gugat, malah harus dicari pelaburan alternatif untuk yang lebih baik dari ASSAR bagi menjana pulangan yang lebih lumayan dan selamat. Ertinya, mana mana ahli masyarakat yang tahu prospek pelaburan alternatif boleh mengemukakan untuk pertimbangan lebu'.
9. Semua ahli lebu' berpendidikan sangat diperlukan untuk menyumbang ide dan sumbangan kepakaran masing masing bagi memaju lebu'.
10. Telah tiba musim generasi baru untuk memikul tanggung jawab eksekutif dalam lebu' menggantikan generasi tua yang telah lama berjasa.

# OPSYEN PENYELESAIAN

## Pengenalan

Lebu' gagal mempamerkan keseriusan dalam melaksanakan formula kepenggunaan dana dari dividen ASSAR melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang dianggap sebagai Badan tertinggi lebu' untuk menetapkan dasar dan melaksanakan agenda pembangunan lebu'.

**JADUAL 1. CONTOH CADANGAN AGIHAN DANA TAHUN 2005**

<b>JKKK LEBU KULIT ASAP</b>												
<b>ANGGARAN BELANJAWAN JAWATANKUASA KECIL TAHUN 2005</b>												
	Kebudayaan	RM	Sukan & Permainan	RM	Kebajikan	RM	Aset / Infrastruktur	RM	Kecantikan Halaman	RM	Keselamatan	RM
Jan												
Feb												
Mar												
Apr	Pintu Gerbang	1500					Paip	15000	Tong Sampah	4000	Undang Kecil Sakai	
Mei	Melengkap Alat	1500									Bekalan Alat	1200
Jun			Pembaikan Padang	3000			Kubu' & Tamu Kampung	2000			"Fire Drill"	250
Jul									Pertandingan Kecantikan	1500		
Aug	Projek Ngentau	500					Jalan Kampung	3300			Seminar Kesedaran	250
Sep												
Oct												
Nov												
Dec	Ramai Karcet	1800	Ramai Sukan Rakyat	3000								
Others					Keceemasan Kematian	4000			G Royong 6X @RM250	1500		
<b>Total</b>		<b>5300</b>		<b>6000</b>		<b>4000</b>		<b>20300</b>		<b>7000</b>		<b>1700</b>
	Kemajuan Pertanian	RM	Biro Wanita	RM	Pemuda/i	RM	Pendidikan	RM	Pentadbiran	RM	JUMLAH BESAR (RM)	
Jan											0	
Feb											0	
Mar							Library	5000			0	
Apr	Ceramah	200			Merayakan Birthday	250					0	
Mei	Networking	200	Kelas Memasak	300			Peraduan Melukis	500			0	
Jun	Projek Gerai Simang	3000	Kelas Mengemas Rumah	200					Seminar ahli JKKK	1000		
Jul							Kempen Membaca	300				
Aug	Projek Bengkel Usahatani	3000	Pumang Uman	700	Merayakan Birthday	250						
Sep			Kelas Menjahit	300	Picnic	300						
Oct							Amugerah Cemerlang	2000				
Nov			Picnic	300	Foto Keluarga	500						
Dec			Pesta Hujung Tahun	3000	Merayakan Birthday	250	Elaun Pelajar	10000				
Others							SPPT	10000	Keperluan pentadbiran	4150		
<b>Total</b>		<b>6400</b>		<b>4800</b>		<b>1550</b>		<b>27800</b>		<b>5150</b>		<b>90000</b>

Formula agihan dana yang pernah dikemukakan kepada JKKK pada tahun 2005 ini adalah atas perkiraan bahawa 90% daripada dividen tahunan adalah sekitar RM90 ribu. 10% lagi akan disimpan semula ke dalam pelaburan induk.

Daripada contoh ini, RM90 ribu akan teragih kepada semua Biro dan Kumpulan Masyarakat untuk digunapakai. Ini adalah satu bentuk penyampaian dana kepada lebu'.

Walaupun JKKK Lebu' Kulit memiliki struktur yang lengkap dalam hal mewakili badan dan biro pembangunan, dan pernah pada tahun 2005 saya mengemukakan formula agihan dana pembangunan ini, tetapi JKKK seperti

lamban menyelam dan menghayati formula ini. Sebetulnya sehingga tahun 2008, jumlah dana dividen terkumpul untuk boleh digunapakai adalah RM234,908.

Saya kemudian merangka formula kepenggunaannya untuk tahun 2009 seperti berikut.

<b>CONTOH KEGIATAN KEMAJUAN DAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2009</b>									
WANITA	RM	PEMUDA/I	RM	PUI	RM	TAMEN MUAT (BELIA)	RM	KANAK KANAK	RM
Peralatan Masak	1000	Merayakan Birthday	500	Lawatan Pendedahan	3000		0	Minggu / Bulan Kesedaran	1000
Kelas Memasak	500	Picnic	500	Projek Pekatuk Seu / Pencai Semangat	1000		0	Birthday	500
Pumung Uman	500	Foto Keluarga	1000	Projek Menyenang	1000		0		0
Kelas Menjahit	500	Usaha kreativiti lain	1000		0		0		0
Picnic	500		0		0		0		0
Pesta Hujung Tahun	1000	Ramai Hujung Tahun	1000	Ramai Hujung Tahun	1000	Ramai Hujung Tahun	1000	Ramai Hujung Tahun	1000
Lain lain	2000	Lain lain	2000	Lain lain	1000	Lain lain	5000	Lain lain	2500
	6000		6000		7000		6000		5000
<b>KEBUDAYAAN</b>	<b>RM</b>	<b>SUKAN / PERMAINAN</b>	<b>RM</b>	<b>KEBAJIKAN</b>	<b>RM</b>	<b>KEMAJUAN PERTANIAN</b>	<b>RM</b>	<b>ASET / INFRASTRUKTUR</b>	<b>RM</b>
Pintu Gerbang	5000	Baiki Padang/kemudahan	3000	Kematian	10000	Ceramah	500	Paip	20000
Melengkap Alat	4000	Ramai Sukan Rakyat	2500	Bantuan Terhad*	5000	Networking	500	Kubu' dan Tamu Kampung	5000
Projek Ngentau	1000	Pesta Sukan	2500		0	Projek gerai	4000	Jalan Sekitar Kampung	2500
Ramai Kancet	2500		0		0	Bengelul usahatani	1000	Kenderaan	42500
Lain lain	1000	Lain lain	1000	lain lain	1000	lain lain	1000	lain lain	4000
	13500		9000		16000		7000		74000
<b>KECANTIKAN HALAMAN</b>	<b>RM</b>	<b>PENDIDIKAN</b>	<b>RM</b>	<b>PENTADBIRAN</b>	<b>RM</b>	<b>KRAFTANGAN / INDUSTRI</b>	<b>RM</b>	<b>KESELAMATAN / PEDAGANG</b>	<b>RM</b>
Tapak Sampah	3000	Library	1000	Seminar JKKK	500	Minggu Demonstrasi kraf	1000	Minggu Kesedaran	500
Pertandingan Kecantikan Halaman	2000	Peraduan Melukis	500	Keperluan Pentadbiran	10000	Networking	500	Demonstrasi Kecemasan Api	500
Gotong Royong	1000	Kempen Membaca	500	Pejabat Bil	25000	Promosi/Jualan	500	Pakaian/Alat	2000
Landskap	3000	Anugerah Cemerlang	5000		500		0		0
	0	Elaun Pelajar	10000		0		0		0
	0	Skim Pinjaman Pendidikan Tinggi	10000		0		0		0
lain lain	1000	lain lain	1000	lain lain	4407.98	lain lain	1000	lain lain	1000
	10000		28000		40408		3000		4000
Perbelanjaan Sekali Sahaja	47000								
Lain lain	28908								

Malangnya, kesedaran lewat lebu' untuk memberi RM200,000 dari jumlah ini sebagai persepuluhan kepada gereja menyaksikan kita mengeluarkan dividennya pada tahun 2009, sekaligus mengubah rancangan asal formula kepenggunaannya.

Perlu diketahui bahawa rancangan dan keperincian keperluan dana pada asalnya adalah melalui ketua ketua biro dan badan kecil JKKK demi keadilan dan pertanggungjawapan. Malangnya JKKK seperti tidak memahami peranan dan fungsi mereka sebagai badan pengagih dana. Sebagai contoh, keperluan pendidikan seharusnya melalui Biro Pendidikan. Keperluan perubatan boleh melalui Biro Kebajikan. Keperluan aset termasuk peralatan dan bangunan adalah melalui Biro Aset & Infrastruktur. Keperluan hari keluarga boleh disalurkan dari Biro Wanita atau Gereja tergantung kepada siapa yang mengendalikan anjurannya. Malahan saya turut merekomendasi bajet untuk Pemuda-Pemudi dan Kumpulan datuk nenek (Pui) yang tidak pernah dilaksanakan.

Satu sektor menarik yang telah saya rekomendasikan kuat waktu itu adalah Skim Pinjaman Pendidikan Tinggi (SPPT) melalui Biro Pendidikan. Sebagai skim pinjaman, dokumentasi dan prosedurnya telah saya siapkan untuk sedia dilaksanakan. Namun kerana tiada sahutan sokongan dan kefahaman, maka konsep ini terbengkalai.

JKKK tidak mampu melihat dan mengapresiasi formula kepenggunaan dana ini.

Cabaran kita adalah untuk sekaligus memastikan tempat JKKK Lebu' berfungsi lebih profesional dan menyeluruh dalam menjangkau semua ahli penduduk demi kesejahteraan semua jika ia masih dianggap sebagai badan tertinggi lebu'.

### Penilaian Ahli Masyarakat

Kita cenderung melihat dan menilai bahawa dana ASSAR itu boleh dibahagikan dan disalurkan kepada individu dan keluarga padahal perkara ini sepatutnya dibuat melalui saluran struktur lebu', khususnya JKKK melalui Biro dan badan badan kecil sesuai dengan ketetapan formula agihan.

Menilai wang ini boleh diberi terus kepada individu menyaksikan pembayaran lebih RM100 ribu kepada hanya kira kira 30 orang sehingga orang ramai yang lebih 2000 orang terkejut dan menjadi resah.

Persoalannya, bagaimana wang dari dana ini boleh diberi tanpa penyelarasan JKKK?

Kita harus mengakui bahawa telah berlaku kekhilafan dalam agihan seperti di atas yang dibuat tanpa melalui saluran yang kukuh mandatnya.

Persoalan pula timbul samada JKKK benar benar memiliki kuasa dan suara akhir mengenai kepenggunaan dana ini.

Lebu' sekarang berhadapan dengan dilema memperakui status dan kedudukan JKKK sebagai badan tertinggi lebu' yang juga memainkan peranan merangka dasar dan membentuk prosedur serba serbi pentadbiran dan urusan kampung.

Jika JKKK bukan badan tertinggi lebu' yang menyeluruh menentukan hala tuju dan pengurusan seharian lebu' termasuk perkara dana lebu' dalam bentuk pelaburan ASSAR, apa pula badan lain yang lebih tinggi dari itu yang boleh memberi arahan kepada JKKK? Buat masa ini, Ketua Kampung adalah Penasihat kepada JKKK dan Pengerusi JKKK adalah seorang Pengulu.



## JAWAPAN ALTERNATIF - TABUNG PINJAMAN

Oleh kerana JKKK tidak mampu untuk mengendalikan urusan kepenggunaan dana ini mengikut formula agihan asal, maka saya mencadangkan untuk membentuk suatu Tabung Pinjaman Lebu' sebagai sumber kewangan penduduk kampung.

Cadangan ini dibuat selaras dengan sentimen penduduk sedia ada yang lebih dahagakan wang ringgit masuk poket sendiri daripada melihat dana ini tersalur kepada JKKK.

Ini mungkin akan membantu agenda pembangunan lebu' melalui sokongan dana pelaburan lebu' tetapi hakikat bahawa penduduk lebu' mempunyai akses pinjaman terus terhadap dana ini boleh juga dilihat sebagai alternatif kepada bentuk kebajikan yang diterima oleh kesemua penduduk.

Implikasi besar pilihan alternatif ini adalah – JKKK tidak lagi akan memiliki **dana komunal** untuk mendanai program dan aktiviti selain dari sumber tradisi iaitu geran kerajaan, sumbangan luar dan sumbangan peribadi atau melalui provisi adet lebu' untuk menggunakan amalan 'papit'.

Butir dan keperincian Tabung Pinjaman ini saya jelaskan dalam 3 langkah seperti berikut.


### LANGKAH **1** : AZAM BARU KETETAPAN LEBU'

Lebu' melalui persetujuan Ketua Blok dan seluruh JKKK mestilah mengakui akan perkara-perkara berikut:-

1. Mahu menyelesaikan keadaan kekeliruan dan kurang fahaman mengenai kepenggunaan dana 'tilo itik' – iaitu diividen dari pelaburan RM2 juta itu.
2. Menilai, menganggap dan mengakui bahawa semua wang yang diberi kepada individu selama ini adalah **sebagai pinjaman** dan kecuali dipersetujui oleh Majlis Tertinggi untuk mengecualikan pembayaran balik dari individu tertentu, semua pinjaman haruslah dibayar balik.
3. Membentuk suatu struktur mengatur urusan penyelesaian yang berpusat pada satu Panel dinamakan **PANEL TABUNG PINJAMAN** dan turut melibatkan badan seperti **Majlis Tertinggi Lebu'** dan **Makhmah Lebu'**. Organisasinya adalah seperti ditunjukkan di Carta 1 bawah.
4. Mengiktiraf dan memberi mandat kepada badan ini untuk mengatur, menuntut, mengumpul, menyimpan, merekod, memantau dan memberi maklum tentang status pembayaran balik kepada Majlis Tertinggi Lebu'

5. Merangka serta mencadangkan formula pinjaman baru untuk diluluskan bersama atas nama PANEL TABUNG PINJAMAN LEBU' KULIT.
6. Menetapkan dasar dan prosedur pinjaman, antara lain adalah seperti berikut:-
  - a. Semua bentuk pinjaman mestilah melalui prosedur dan mengisi borang rasmi termasuk menandatangani Surat Perjanjian Pinjaman.
  - b. Peminjam boleh membayar balik pinjaman secara tunai atau melalui akaun bank
  - c. Adalah tanggungjawab peminjam untuk membuktikan pembayaran balik telah dibuat melalui resit pembayaran atau slip deposit tertakluk kepada verifikasi penyata akaun.
  - d. Rekod bulanan pembayaran balik akan disimpan dan diberi kepada peminjam
  - e. Sekiranya peminjam tidak melunaskan pembayaran balik mengikut tempoh yang dipersetujui, tertakluk kepada persetujuan Panel Tabung Pinjaman, peminjam boleh memohon penundaan tidak melebihi 3 bulan, dan pada bulan ke-4, jumlah tunggakan harus dilangsaikan sekaligus dengan tambahan bayaran tunggakan yang boleh diputuskan oleh Panel
7. Menerima Rangka Terma dan Syarat Pinjaman seperti di Lampiran 1.
8. Menerima Rangka Dokumen Perjanjian Pinjaman dan Bayaran Balik seperti di Lampiran 2.
9. Memesan dan mengguna aplikasi Pengurusan Pinjaman elektronik untuk rekod yang kemaskini
10. Menggaji tenaga kerja berpengetahuan tentang perakaunan untuk membantu pengurusan Tabung Pinjaman seperti arahan Panel Tabung. Senarai peranan dan tugas adalah seperti di bawah.

## LANGKAH 2 – ORGANISASI PELAKSANA



Carta 1. Hubungan Kerja Pengurusan Tabung Pinjaman Lebu Kulit

## LANGKAH 3 – PENGLIBATAN DAN SOKONGAN SEMUA

### MAJLIS TERTINGGI LEBU'

Majlis tertinggi Lebu' akan memanggil mesyuarat untuk memilih dan menetapkan barisan Panel Tabung Pinjaman (PTP) Lebu' yang akan terdiri dari SEMUA ketua blok, SEMUA ahli JKKK. Ini bererti SEMUA orang yang mempunyai peranan dan tugas memimpin dalam lebu' akan menentukan halatuju pelan kepenggunaan dana lebu' ini.

Majlis Tertinggi Lebu' akan melulus kuantum dan jumlah wang Tabung Pinjaman dari dana pelaburan (dividen pelaburan). Contohnya adalah – untuk menetapkan semua 209 bilik berdaftar Lebu Kulit layak menerima pinjaman. Wang yang pernah dikeluarkan dari dana berjumlah kira kira RM169 000 (lihat Lampiran 3) sebelum ini akan dianggap sebagai Modal Pusingan Tabung

Pinjaman. Suatu tambahan kira kira RM40 000 peruntukan baru perlu dikeluarkan dari dana pada tahun 2016 untuk menjadikan jumlah Modal Pusingan Tabung Pinjaman sebanyak RM209,000.

*Kecuali jika wang pusingan bertambah suatu hari nanti, nilai maksimum pinjaman per keluarga dihadkan kepada RM1,000. Ertinya pinjaman boleh kurang dari RM1000 tetapi tidak boleh lebih dari RM1000.*

*Dalam pinjaman melebihi RM1000 sebelum ini, ia dianggap kekhilafan yang sekarang ini tidak akan berulang lagi.*

*Oleh kerana hanya RM40,000 sahaja yang akan boleh dipinjam baru (RM209 ribu tolak RM169 ribu), maka had peminjam baru adalah 40 keluarga sahaja dikalangan penduduk lebu' kulit yang belum pernah menerima wang pinjaman, jika mereka mahu. Senarai nama penduduk yang pernah dicatat menerima wang adalah seperti di Lampiran 3. Ertinya sehingga RM169 ribu yang terpinjam sebelum ini dilunaskan, maka sehingga itulah keluarga yang lain harus menunggu giliran, yang dijangka akan terselesai dalam selang waktu 2 – 3 tahun. Tuhan membantu.*

Majlis Tertinggi Lebu' menetapkan bahawa semua wang yang pernah dipinjamkan sebelum ini harus dikembalikan, kecuali dari mereka yang telah meninggal dunia. Wang yang dikembalikan ini akan digunakan kembali untuk pinjaman baru di kalangan keluarga yang belum pernah menerima pinjaman.

Majlis Tertinggi akan menetapkan untuk meminta semua peminjam sebelum ini, kecuali yang telah meninggal dunia untuk mengisi Borang Pinjaman bagi tujuan rekod dan butir pembayaran balik.

Sebagai dasar yang standard, kecuali dirunding kembali dengan Panel Tabung Pinjaman, tempoh masa bayaran balik adalah untuk 2 tahun (24 bulan) hingga 3 tahun (36 bulan).

Untuk mengetahui maklumat keluarga mana yang belum menerima pinjaman, suatu Jadual seperti di Lampiran 5 perlu dikemaskini untuk menanda bilik keluarga mana yang belum menerima pembayaran / pinjaman.

Sebagai pinjaman wang yang perlu diurus, maka adalah wajar untuk menetapkan kadar pinjaman mengikut tahap pasaran, contohnya 6.5%. Ini adalah untuk menampung biaya software dan pengurusan seharian termasuk keperluan pejabat seperti alat cetak, komputer dan belanja komunikasi serta elaun kerani dan bayaran konsultan juruaudit.

Contoh butir pembayaran balik mengikut jumlah pinjaman dan kadar faedah 6.5% adalah seperti di Lampiran 4.

Peranan dan tugas badan badan lain dalam Organisasi ini adalah seperti berikut: -

### **PANEL TABUNG PINJAMAN**

1. Merangka skema jadual pinjaman dan bayaran balik (rujuk contoh seperti di lampiran 4)
2. Menimbang kelulusan permohonan pinjaman
3. Memberi arahan kepada Kerani sebagai penghubung untuk menyampai maklumat.
4. Memberi arahan kepada Signatories Dana melalui kerani untuk mengeluarkan cek
5. Mengeluarkan Surat Tuntutan Bayaran Tertunggak
6. Melapor kes Tunggakan melebihi Had kepada Mahkamah Lebu'

### **MAKHAMAH LEBU'**

1. Mendengar dan mengendalikan kes tuntutan pembayaran balik pinjaman tertunggak lebih had tempoh.
2. Membuat keputusan muktamad untuk menyelesaikan kes kes tuntutan dari Panel tabung Pinjaman.

### **JURUAUDIT (Konsultan)**

1. Merangka sistem operasi skim pinjaman termasuk dokumentasi dan sistem kerja
2. Memeriksa akaun dan rekod adalah betul dan mengikut ketetapan termasuk semua transaksi, minit mesyuarat dan laporan kerani.
3. Membantu memantau fungsi kerani dalam mengurus pejabat dan sistem kerja.

### **KERANI**

1. Memastikan dokumen dokumen dan kemudahan tersedia, disimpan, dijaga dan digunapakai dengan sempurna, termasuk:-
  - a. Borang Pinjaman – LKT-TP-BP-001
  - b. Terma dan Syarat Permohonan –LKT-TP-TS-002
  - c. Surat Perjanjian Pinjaman – LKT-TP-SPP-003
  - d. Resit Pembayaran
  - e. Surat Arahan Pembayaran
  - f. Laporan Bulanan
  - g. Penyata Bulanan Setiap Peminjam
  - h. Penyata Akaun Bank
2. Mengeluar, menerima dan mendaftar semua permohonan pinjaman
3. Mengajukan semua borang permohonan pinjaman kepada Panel Pinjaman
4. Menerima arahan dari Panel Pinjaman untuk tindakan lanjut termasuk mendapatkan cek, menghubungi pemohon untuk menandatangani Surat Perjanjian.
5. Mendapatkan tandatangan peminjam pada baucer Pembayaran Cek sebagai bukti penerimaan cek

6. Memanggil pemohon untuk menerima pembayaran dan menandatangani Surat Perjanjian Pinjaman.
7. Memantau semua transaksi pembayaran balik termasuk menyedia dan menghantar penyata bulanan kepada setiap peminjam
8. Membuat laporan bulanan mengikut format yang akan ditentukan oleh Juruaudit (konsultan) dan dibentangkan kepada Panel Pinjaman

### **SIGNATORIES**

1. Menerima Surat Arahan dari Panel Tabung Pinjaman atau dari mana mana badan yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi Lebu' untuk mengeluarkan cek
2. Mengeluarkan cek dengan mencatat jumlah yang diarahkan
3. Senantiasa memantau jumlah terkini dalam akaun untuk dilaporkan kepada Panel Tabung Pinjaman melalui Kerani Panel.
4. Menyerahkan cek kepada Panel melalui Kerani dengan meminta tandatangan penyerahan cek
5. Menerima pembayaran tunai daripada peminjam melalui Kerani
6. Mencatat penerimaan pembayaran dan mendepositkan ke dalam akaun.

### **ORANG RAMAI**

Setiap warga lebu' kulit yang layak memohon pinjaman adalah:-

- a. Berumur 21 tahun ke atas.
- b. Memiliki alamat di lebu' Kulit
- c. Mengajukan seorang penjamin yang sanggup menanggung hutang dan melunaskan pembayaran balik seandainya peminjam mengalami kesulitan membayar balik pinjaman

Peminjam perlu: -

1. Menyertakan Salinan Kad Pengenalan
2. Mengisi Borang Pinjaman – LKT-TP-BP-001
3. Menandatangani Surat Perjanjian
4. Membayar balik pinjaman seperti Surat Perjanjian mengikut jumlah dan tarikh yang dipersetujui
5. Membayar balik secara tunai kepada Kerani dengan meminta Resit Pembayaran Rasmi atau melalui akaun bank (dengan menyimpan slip deposit). Adalah tanggung jawab peminjam untuk membuktikan pembayaran telah dibuat melalui Resit Pembayaran Rasmi – jangan hilang resit bayaran balik.
6. Menyemak penyata bulanan dari Panel Tabung Pinjaman tentang jumlah dilunasi dan baki pinjaman.

## PENUTUP

Kertas Kerja ini adalah sebagai cadangan rangka kerja dan tindakan yang boleh sahaja diterimapakai untuk menyegerakan penyelesaian terhadap 'kelemahan' kita mengurus dana lebu' 'tilo itik' ini.

Saya yakin dan percaya tentang tahap sistem operasi yang dicatat di dalam kertas ini boleh dilaksanakan, asal saja kita semua mengambil peluang mencuba, belajar dan memperbaiki diri melalui pengalaman dan ada orang yang sanggup memikul beban dan peranan seperti diterangkan di dalam kertas ini.

Software dan aplikasi pengurusan pinjaman melambak dalam pasaran tetapi untuk permulaan, kita boleh menjadikan EXCEL sebagai platform sistem memantau dan merekod semua transaksi.

Tahap berikutnya saya nampak akan membawa kita kepada peluang untuk membentuk suatu bisnes simpan-pinjam yang 'profitable' sesuai dengan konsep Koperatif yang sangat digalakkan oleh kerajaan. Andaiannya adalah dengan pertambahan dana pusingan, yang boleh diperolehi melalui bantuan skim pinjaman dari bank bank negara ini melalui kerjasama SKM atau agensi lain.

